PARLIMEN BELIA MALAYSIA

PARLIMEN MALAYSIA

BUKU PANDUAN PELAKSANAAN

PARLIMEN BELIA MALAYSIA

PARLIMEN MALAYSIA

BUKU PANDUAN PELAKSANAAN

PARLIMEN BELIA MALAYSIA

Buku Panduan Pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia ini diterbitkan oleh:

PARLIMEN MALAYSIA
Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel. : +603-2070 1955
Fax : +603-2072 7436
Laman web: www.parlimen.gov.my

Cetakan Pertama (Elektronik): 2026
@ Parlimen Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya kecuali dengan keizinan bertulis daripada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-98706-9-2

KANDUNGAN

	PRAKATA	
	SEKSYEN A - PENGENALAN	1
1.0	Latar Belakang	1
	1.1 Pengenalan mengenai Parlimen Belia	2
	1.2 Asas Undang-undang dan Pengurusan Risiko	3
2.0	Falsafah, Objektif dan Tadbir Urus	4
	2.1 Falsafah dan Aspirasi PBMy	5
	2.2 Objektif Teras	6
	2.3 Lembaga Tadbir Urus (LTU) PBMy	7
	2.3.1 Ahli Lembaga Tadbir Urus (LTU)	8
	2.3.2 Bidang Kuasa dan Tanggungjawab LTU	8
	2.3.3 Mesyuarat LTU	9
	2.4 Sekretariat Parlimen Belia Malaysia	10
	2.4.1 Peranan dan Tanggungjawab Sekretariat Parlimen Belia Malaysia	10
	2.4.2 Keanggotaan Sekretriat Parlimen Belia Malaysia	11
	2.4.3 Tempoh Mesyuarat	12
	2.4.4 Pemantauan dan Penilaian	12
	SEKSYEN B – PENUBUHAN PARTI	13
3.0	Penubuhan Parti	13
	3.1 Pendaftaran Parti	13
	3.1.1 Keperluan Pendaftaran Parti	13
	3.1.2 Proses Pendaftaran Parti	15
	3.2 Pengurusan dan Perlembangaan Parti	16
	3.3 Larangan dan Tanggungjawab Parti	17
	3.4 Pengurusan Kewangan	17
	3.5 Tatacara Pengurusan Dana	18
	SEKSYEN C – SISTEM PILIHAN RAYA	20
4.0	Pengenalan dan Evolusi Sistem Pilihan Raya	20
	4.1 Sistem *First Past The Post*	21
	4.2 Sistem Senarai Parti (Party List)	21
5.0	Formula *Hare Quota*	25
	5.1 Mekanisme Teknikal Pengiraan Kerusi: Formula *Hare Quota*	25
	SEKSYEN D – TATACARA PILIHAN RAYA	29
6.0	Syarat Pemilih dan Calon Pilihan Raya	29
	6.1 Syarat Pemilih	29
	6.2 Syarat Calon Pilihan Raya	30
	6.3 Proses Pemilihan Ahli Perwakilan Parlimen Belia	30
	6.4 Pencalonan Ahli Perwakilan PBMy oleh Parti	31
	6.5 Penamaan Calon Ahli Perwakilan PBMy	32
	6.5.1 Senarai Calon Mengikut Negeri	32
	6.5.2 Pencalonan Silang Parti	32
	6.5.3 Perwakilan Calon Wanita	32
	6.5.4 Definisi Calon Minoriti	33

	6.5.5 Kadar Perwakilan Calon Minoriti	33
	6.5.6 Agihan Calon Minoriti dalam Senarai Keutamaan	34
	6.5.7 Pengisian Kerusi Berdasarkan Senarai Keutamaan	35
	6.6 Berkempen	37
	6.6.1 Etika Berkempen	37
7.0	Hari Mengundi	38
	7.1 Pengundian	39
	7.1.1 Tatacara Mengundi dalam Talian Menerusi Aplikasi Sistem e-PBMy	39
8.0	Kod Perkecualian Pegawai dan Penguatkuasaan Tatatertib	39
	SEKSYEN E – PENTIKAN AHLI PERWAKILAN BELIA MALAYSIA	41
9.0	Pelantikan Ahli Perwakilan PBMy (APPBMy)	41
	9.1 Proses Pelantikan Ahli Perwakilan PBMy	41
	9.2 Peranan dan Tanggungjawab Ahli Perwakilan PBMy	41
	SEKSYEN F – KOD ETIKA AHLI PERWAKILAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA	44
10.0	Kod Etika dan Tata Kelakuan	44
	10.1 Prinsip Am Kelakuan	44
	10.2 Perkecualian Politik Kepartian	45
	10.3 Kod Etika	47
	10.3.1 Larangan Tegas Isu 3R dan Keharmonian Kaum	47
	10.3.2 Kod Etika Media Sosial	48
	10.3.3 Kawalan Kewangan dan Larangan Kutipan Dana Awam	48
	10.4 Tata Kelakuan Perbahasan	49
	10.5 Prosedur Tatatertib dan Rayuan	50
	10.5.1 Mekanisme Penyelesaian Pertikaian dan Rayuan	51
	SEKSYEN G – PROGRAM PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PBMy	55
11.0	Nilai Kepimpinan Parlimen Belia Malaysia	55
12.0	Teras Strategik Modul Latihan	56
13.0	Pelan Latihan Parlimen Belia Malaysia	57
	Senarai Nama Singkatan	59
	Lampiran A	60
	Lampiran B	65
	Lampiran C	66
	PENGHARGAAN	69

PRAKATA



YBhg. Dato' Dr. Ahmad Husaini bin Abdul Rahman
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia merangkap Pengerusi PBMy

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Parlimen Malaysia, sebagai institusi perundangan tertinggi negara, berbesar hati mengambil alih tanggungjawab penuh untuk mengurus dan melaksanakan program Parlimen Belia Malaysia (PBMy) bermula tahun 2025. Peralihan ini menandakan satu fasa baharu yang signifikan dalam usaha kita untuk memperkasakan generasi muda sebagai pewaris kepimpinan negara. Ia merupakan satu penghormatan dan amanah yang dipikul dengan penuh komitmen untuk memastikan PBMy bukan sekadar sebuah simulasi, tetapi sebuah platform latihan kepimpinan dan pendidikan demokrasi yang unggul dan berimpak tinggi.

Sejak penubuhannya, PBMy telah berjaya menjadi wadah penting bagi suara belia untuk didengari. Namun, aspirasi kita kini menjangkau lebih jauh. Buku Panduan Pelaksanaan PBMy 2026 ini dirangka semula secara teliti dan komprehensif untuk merealisasikan satu visi yang lebih besar untuk menjadikan PBMy sebagai model rujukan kepada amalan demokrasi yang segar, progresif, dan berteraskan pembangunan generasi muda secara holistik.

Dokumen ini ialah manifestasi komitmen kita untuk membina sebuah program yang berdasarkan nilai-nilai teras integriti, akauntabiliti dan ketelusan yang akan menjadi panduan dalam setiap aspek pelaksanaan dan penyertaan secara aktif dalam arena politik dan masyarakat sivil. Justeru, saya menyeru seluruh belia Malaysia untuk merebut peluang keemasan ini dengan menterjemahkan peranan mereka dalam sistem acuan demokrasi negara secara tersusun, sekali gus bersedia menjadi pelapis kepimpinan masa depan.

Selamat maju jaya.

SEKSYEN A – PENGENALAN

1.0 Latar Belakang

Parlimen Belia Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 2015 dan merupakan program anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di bawah kelolaan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN). Program ini telah menjadi satu wadah perbincangan yang lebih inklusif kepada para belia yang berminat untuk menyatakan pandangan dan cadangan dari sudut pandang belia. Sehingga kini, program Parlimen Belia telah dapat mengukuhkan dan memperkasakan peranan belia dalam menyumbang kepada perubahan demokrasi yang lebih progresif.

Pada Oktober 2023, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan dan bersetuju agar Parlimen Belia Malaysia diurus dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Parlimen Malaysia. Keputusan ini memberi satu penghormatan kepada Parlimen Malaysia yang merupakan institusi perundangan tertinggi negara dan sekali gus akan menjadi ruang utama kepada golongan belia untuk berwacana mengikut acuan demokrasi berparlimen dengan lebih praktikal.

Pelaksanaan program ini secara umumnya telah berjaya menjadi platform menyuarakan pandangan mereka namun begitu ia kurang memberi impak kepada perwakilan belia dalam institusi politik[1]. Sebanyak 526 orang belia telah dipilih sepanjang program ini dilaksanakan dari tahun 2015 hingga 2024. Walau bagaimanapun, hanya lima orang Perwakilan Parlimen Belia pernah bertanding semasa pilihan raya negeri dan berjaya dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, manakala di Parlimen Malaysia, masih tiada perwakilan di kalangan alumni Parlimen Belia[2].

Pada tahun 2019, Rang Undang – Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 telah mencipta satu sejarah baharu yang mana golongan muda umur 18 tahun layak untuk mengundi dan menjadi calon dalam pilihan raya. Gerakan Undi18 ini merupakan satu

[1] Perlaksanaan Dan Cabaran Penglibatan Belia Dalam Parlimen Belia Malaysia. 2018. https://journalarticle.ukm.my/20298/1/25215-74506-1-SM.pdf

[2] Kementerian Belia dan Sukan. Info Parlimen Belia. 2023. Sekretariat Parlimen Belia, Jabatan Belia dan Sukan.

dari antara resolusi yang dibawa oleh golongan belia yang dibincangkan dan dibahaskan dalam sesi persidangan Parlimen Belia.

Statistik menunjukkan komposisi perwakilan belia yang rendah bagi kedua-dua Dewan, Parlimen ke-15. Hanya terdapat 19 orang Ahli Parlimen yang berumur di bawah 40 tahun (8.5% daripada jumlah keseluruhan kerusi) di Dewan Rakyat manakala hanya tiga orang Ahli Parlimen yang berumur di bawah 40 tahun di Dewan Negara. Statistik menunjukkan komposisi Ahli Parlimen belia yang rendah bagi kedua-dua Dewan, Parlimen ke-15. Hanya terdapat 19 orang Ahli Parlimen yang berumur di bawah 40 tahun (8.5% daripada jumlah keseluruhan kerusi) di Dewan Rakyat manakala hanya tiga orang Ahli Parlimen yang berumur di bawah 40 tahun di Dewan Negara. [3]

1.1 Pengenalan mengenai Parlimen Belia

Penyertaan dan penglibatan aktif belia dalam masyarakat serta amalan demokrasi adalah amat penting untuk memastikan keperluan mereka dipenuhi dan hak asasi mereka diiktiraf serta dikuatkuasakan[4]. Penglibatan ini memberi peluang kepada belia untuk menjadi suara kepada generasi mereka. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *World Assembly of Youth* (2015)[5] *"Youth Participation in Decision Making"*, penyertaan belia menyumbang kepada keputusan dan hasil yang lebih baik. Peluang menyertai kepimpinan belia merujuk kepada peluang yang diberikan kepada golongan belia dan organisasi yang dipimpin oleh belia untuk terlibat secara aktif, membangunkan kapasiti, serta memperoleh manfaat daripada persekitaran, program dan dasar yang disediakan di semua peringkat. Penglibatan aktif belia dalam proses membuat keputusan dan pelaksanaan polisi di peringkat tempatan adalah merupakan asas penting untuk membina sebuah masyarakat yang inklusif dan lebih demokratik.

[3] Parlimen Malaysia. Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen. 2024.
[4] Youth Participation https://www.un.org/esa/socdev/documents/youth/fact-sheets/youth-participation.pdf
[5] Youth Participation in Decision Making https://www.way.org.my/_files/ugd/eaff97_a88dc4ed2d6b4f7099c91cd1ca77c24b.pdf

Penyertaan belia yang berkesan memerlukan pendekatan menyeluruh dengan menyediakan peluang yang bermakna bagi golongan belia untuk memainkan peranan aktif dalam mempengaruhi, merangka, dan membentuk dasar, serta menyumbang kepada pembangunan perkhidmatan dan pelaksanaan program kerajaan. Peluang ini tidak hanya terhad kepada penglibatan pasif, tetapi juga memberi ruang kepada belia untuk membawa perspektif unik mereka ke dalam proses membuat keputusan. Untuk mencapai matlamat ini, pelbagai mekanisme perlu dibangunkan, termasuk platform rasmi seperti forum belia, jawatankuasa penasihat, dan sesi dialog dengan pembuat dasar. Selain itu, mekanisme tidak rasmi seperti program sukarelawan, bengkel komuniti, dan kempen advokasi juga boleh digunakan untuk memperluas akses penyertaan. Pendekatan holistik ini memastikan suara belia diambil kira dan memberikan impak positif dalam pembangunan dasar dan program yang lebih inklusif.

Justeru, pada tahun 2015 program Parlimen Belia diperkenalkan untuk memberi ruang dan platform kepada suara anak muda untuk menyuarakan pandangan, cadangan serta mengangkat isu yang berkaitan belia. Sehingga kini, Parlimen Belia telah menjadi platform kepada belia yang ingin terlibat secara langsung dalam amalan demokrasi berparlimen di Malaysia yang bukan hanya membincangkan isu - yang memfokuskan kepada belia semata-mata.

1.2 Asas Undang-undang dan Pengurusan Risiko

PBMy ialah sebuah program simulasi yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia. Ia tidak digazet di bawah mana-mana Akta Parlimen dan tidak diuruskan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Oleh itu, kuasa dan peraturan yang terkandung di dalam Buku Panduan ini berkuat kuasa melalui rangka kerja undang-undang kontrak. Penyertaan dalam program ini adalah tertakluk kepada persetujuan setiap peserta untuk mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan, iaitu yang dimeterai melalui satu Perjanjian Penyertaan dan Aku Janji yang mandatori (rujuk Lampiran C). Perjanjian ini mengubah buku panduan ini daripada satu set garis panduan kepada terma dan syarat yang mengikat secara sah, membolehkan penguatkuasaan peraturan tatatertib dan kewangan. Bagi melindungi institusi Parlimen Malaysia sebagai penaung, satu pendekatan pengurusan risiko yang proaktif akan diguna pakai iaitu :

i. **Penepian Liabiliti (Waiver of Liability):** Perjanjian penyertaan mengandungi fasal penepian liabiliti yang jelas di mana peserta mengakui risiko yang wujud dan bersetuju untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap penganjur bagi kecuaian biasa;

ii. **Prinsip Pematuhan Berpandukan Nasihat (Perlindungan Tatatertib Dalaman):** peserta atau parti tidak akan dikenakan tindakan tatatertib dalaman berdasarkan buku panduan ini jika mereka telah mendapatkan dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh Sekretariat PBMy sebelum mengambil sesuatu tindakan; dan



2.0 Falsafah, Objektif, dan Tadbir Urus

Bahagian ini menetapkan kerangka falsafah, matlamat strategik dan struktur tadbir urus yang menjadi tulang belakang kepada PBMy. Ia dirangka untuk memastikan program ini bukan sahaja relevan, tetapi juga mempunyai hala tuju yang jelas, berintegriti, dan dipimpin oleh belia untuk belia, selaras dengan maklum balas dari bengkel pemantapan yang menekankan keperluan untuk sebuah rangka kerja yang kukuh dan telus.

2.1 Falsafah dan Aspirasi PBMy

PBMy berlandaskan falsafah bahawa penglibatan belia dalam proses demokrasi ialah prasyarat untuk menjadi sebuah negara yang dinamik dan inklusif. Program ini bukan sekadar satu acara tahunan, tetapi sebuah institusi pendidikan kepimpinan yang berterusan. Falsafah terasnya adalah untuk menyediakan sebuah **"platform simulasi untuk mendidik kepimpinan belia berasaskan prinsip demokrasi berparlimen".**

Aspirasi utama PBMy adalah untuk menjadi **"model rujukan kepada amalan demokrasi yang inovatif, progresif dan berteraskan pembangunan generasi muda"**. Ini membawa maksud bahawa PBMy bermatlamat untuk:



i. **Menjadi Inkubator Kepimpinan**

Melahirkan generasi pemimpin masa depan yang bukan sahaja berpengetahuan tentang proses legislatif, tetapi juga menghayati dan mengamalkan nilai integriti, akauntabiliti dan khidmat kepada masyarakat;

ii. **Merapatkan Jurang Representatif**

Mengenal pasti ruang penambahbaikan dan memperkukuh pelaksanaan program secara proaktif bagi meningkatkan impak serta memperluas pengalaman perwakilan belia dalam institusi politik sebenar. PBMy berhasrat untuk menjadi laluan yang jelas bagi alumni untuk terlibat secara langsung dalam proses pembangunan politik negara

iii. **Membudayakan Demokrasi Berprinsip**

Memupuk budaya perbahasan yang sihat, berasaskan fakta, dan saling hormat- menghormati, dengan memastikan perbezaan tertumpu kepada idea, dan bukan individu dan

iv. **Memperkasakan Suara Belia**

Mengangkat pandangan dan cadangan belia mengenai isu nasional untuk dipertimbangkan oleh penggubal dasar dan meneruskan legasi kejayaan seperti gerakan Undi18 yang lahir daripada resolusi persidangan belia.

2.2 Objektif Teras

Bagi mencapai aspirasi yang digariskan, PBMy menetapkan empat objektif teras yang khusus dan boleh diukur. Objektif-objektif ini dirangka berdasarkan cadangan konkrit dari bengkel pemantapan untuk memastikan program ini mempunyai hala tuju yang jelas dan relevan. Empat objektif teras tersebut adalah seperti berikut:



i. **Menyediakan Simulasi Legislatif Yang Telus**

Mewujudkan sebuah ekosistem persidangan yang menyerupai Parlimen Malaysia sebenar,. Ini bertujuan untuk mendidik belia tentang fungsi dan cabaran sistem demokrasi berparlimen secara praktikal dan mendalam;

ii. **Melaksanakan Pembangunan Kepimpinan Berstruktur dan Berterusan**

Menawarkan program pembangunan kepimpinan yang komprehensif sepanjang penggal tiga (3) tahun. Program ini akan merangkumi latihan kemahiran insan, advokasi, pengurusan projek dan pemahaman dasar awam, serta memastikan pembangunan holistik untuk setiap ahli;

iii. **Menjadi Wadah Kepimpinan Beretika**

Mengintegrasikan prinsip integriti, akauntabiliti, dan tadbir urus yang baik dalam setiap aspek program, daripada pemilihan hingga pengurusan kewangan parti. PBMy akan menjadi medan latihan untuk pemimpin yang berpegang teguh pada etika dan prinsip integriti; dan

iv. **Menghasilkan Usul Dasar Berkualiti**

Membimbing dan memudah cara ahli untuk menjalankan penyelidikan, perundingan, dan perbahasan bagi menghasilkan usul-usul dasar yang bernas dan berasaskan bukti. Usul-usul ini akan dikemukakan secara rasmi kepada kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk tindakan susulan.

2.3 Lembaga Tadbir Urus (LTU) PBMy

Lembaga Tadbir Urus (LTU) Parlimen Belia Malaysia merupakan sebuah badan tadbir urus tertinggi yang ditubuhkan bagi memastikan PBMy ditadbir dengan cekap, telus, dan dipimpin oleh belia. Penubuhan LTU ialah satu reformasi yang kritikal, dalam memperkukuhkan struktur Sekretariat PBMy.

2.3.1 Ahli Lembaga Tadbir Urus (LTU)

Pada ketika ini, LTU akan dianggotai oleh **Yang di-Pertua Dewan Rakyat** sebagai **Penaung** manakala **Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia sebagai Pengerusi** dan ahli LTU yang terdiri daripada lima (5) orang **merupakan ahli akademik.**

2.3.2 Bidang Kuasa dan Tanggungjawab LTU

LTU diberikan mandat dan kuasa strategik, bukan sekadar fungsi pentadbiran. Bidang kuasanya yang luas adalah penting untuk memastikan program ini kekal relevan, dinamik dan berintegriti.



i. **Pemegang Amanah Buku Panduan**

LTU memegang kuasa muktamad untuk meluluskan sebarang pindaan atau penambahbaikan kepada Buku Panduan Pelaksanaan PBMy bagi memastikan peraturan program sentiasa relevan dan mencerminkan pengalaman dan keperluan ahli.

ii. **Penetapan Hala Tuju Strategik**

Bekerjasama dengan Sekretariat PBMy untuk menetapkan visi, etos, dan hala tuju strategik program bagi setiap penggal iaitu selama dua tahun.

iii. **Pengawasan Kualiti dan Keselamatan Program**

Bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan semua aktiviti, persidangan dan program di bawah PBMy dijalankan dengan berkualiti serta mematuhi polisi keselamatan dan kesejahteraan peserta.

2.3.3 Mesyuarat LTU

Bagi memastikan tadbir urus yang tersusun dan proses membuat keputusan yang lebih berkesan, peraturan mesyuarat LTU yang formal akan dikuatkuasakan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.



i. **Kekerapan Mesyuarat**

Mesyuarat penuh LTU akan diadakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

ii. **Agenda Mesyuarat**

Agenda mesyuarat akan disediakan oleh Sekretariat PBMy dengan perbincangan bersama Pengerusi LTU dan diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat diadakan.

iii. **Minit Mesyuarat**

Minit mesyuarat yang terperinci akan direkodkan oleh Sekretariat PBMy dan disahkan dalam mesyuarat berikutnya. Ringkasan keputusan utama mesyuarat akan dikongsi dengan semua Perwakilan PBMy untuk memastikan ketelusan.

2.4 Sekretariat Parlimen Belia Malaysia

Sekretariat PBMy ditubuhkan sebagai badan pelaksana dan penyelaras utama dalam memastikan kelancaran program PBMy selaras dengan objektif untuk membudayakan amalan demokrasi berparlimen dalam kalangan belia dan menyediakan platform pembangunan kepimpinan muda.

2.4.1 Peranan dan Tanggungjawab Sekretariat Parlimen Belia Malaysia



Sekretariat PBMy bertanggungjawab untuk:

i. Menyelia dan menyelaras keseluruhan proses pelaksanaan PBMy termasuk pendaftaran, pemilihan, persidangan dan pasca program;

ii. Menyediakan dokumentasi, laporan dan pelaporan program kepada pihak berkuasa yang berkaitan;

iii. Menjalankan pemantauan terhadap parti dan Ahli Perwakilan PBMy daripada segi pematuhan kepada kod etika, integriti dan prestasi;

iv. Menjadi saluran komunikasi rasmi antara Parlimen Malaysia, pihak berkepentingan, belia dan masyarakat umum mengenai aktiviti PBMy;

v. Memastikan segala aktiviti mematuhi peruntukan undang-undang dan prinsip tadbir urus yang baik;

vi. Menyelia portal rasmi e-PBMy daripada segi pendaftaran, keselamatan data dan integriti sistem pengundian; dan

vii. Membentuk kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (non governmental organisation – NGO), institusi pendidikan dan pihak swasta untuk pembangunan kapasiti dan modul kepimpinan belia.

2.4.2 Keanggotaan Sekretariat Parlimen Belia Malaysia

Sekretariat PBMy dianggotai oleh:

i. Penaung: Yang di-Pertua Dewan Rakyat
ii. Pengerusi: Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia
iii. Ketua Sekretariat
iv. Unit Pengurusan dan Pentadbiran
v. Unit Pengurusan Dewan
vi. Unit Dasar dan Perancangan Strategik

Carta Organisasi Sekretariat PBMy



2.4.3 Tempoh Mesyuarat

- Mesyuarat Sekretariat PBMy akan diadakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
- Mesyuarat Khas boleh dipanggil oleh Pengerusi PBMy atau atas permintaan dua Jawatankuasa Tetap (Jawatankuasa Rayuan dan Jawatankuasa Tatatertib).

2.4.4 Pemantauan dan Penilaian

- Sekretariat PBMy akan memantau berdasarkan laporan tahunan parti.

SEKSYEN B – PENUBUHAN PARTI

3.0 Penubuhan Parti

Penubuhan parti dalam konteks PBMy merupakan satu langkah ke arah memupuk budaya demokrasi yang lebih berstruktur dalam kalangan generasi muda. Parti-parti ini akan menjadi platform rasmi untuk mencalonkan Ahli Perwakilan Parlimen Belia Malaysia dan menyertai proses pilihan raya berdasarkan Sistem Perwakilan Berkadar yang diguna pakai dalam PBMy. Penubuhan Parti adalah tertakluk kepada kelulusan LTU.

3.1 Pendaftaran Parti

Seksyen ini menggariskan peraturan dan prosedur terperinci bagi penubuhan dan pengurusan parti-parti dalam ekosistem PBMy. Sistem berasaskan parti ini merupakan satu pembaharuan besar yang bertujuan untuk menstrukturkan landskap politik PBMy, menggalakkan perdebatan idea secara sihat dan menyediakan latihan pengurusan organisasi kepada para peserta. Peraturan-peraturan ini dirangka khusus untuk menangani isu kritikal yang dibangkitkan semasa bengkel pemantapan, terutamanya mengenai kejelasan pendaftaran, ketelusan kewangan dan akauntabiliti.

3.1.1 Keperluan Pendaftaran Parti

Proses pendaftaran parti perlu dilakukan secara dalam talian melalui sistem e-PBMy dan tertakluk kepada syarat serta kelulusan oleh Sekretariat PBMy. Setiap kumpulan yang ingin mendaftarkan parti mestilah memenuhi perkara seperti yang diperincikan dalam jadual di bawah:

Bil	Keperluan	Butiran
1	Nama Parti	Hendaklah unik, tidak menyerupai parti politik sedia ada dan tidak berunsur isu kaum (Race), agama (Religion), dan institusi diraja (Royalty) atau dikenali sebagai 3R

Bil	Keperluan	Butiran
2	Lambang, Logo dan Warna Rasmi Parti	Perlu dilampirkan dan bebas daripada simbol yang kontroversi atau menyerupai entiti politik sebenar.
3	Perlembagaan Parti	Mengandungi struktur organisasi, syarat keahlian, hak dan tanggungjawab ahli, prosedur mesyuarat serta proses pelucutan keahlian.
4	Senarai Keahlian	Sekurang-kurangnya seramai **250 ahli berdaftar dalam sistem e-PBMy**. Nama dan nombor kad pengenalan perlu disahkan.
5	Alamat Rasmi Parti	Alamat berdaftar bagi urusan surat-menyurat dan dokumentasi rasmi.
6	Struktur Organisasi Parti	Senarai jawatan utama seperti Presiden, Setiausaha, Bendahari dan Exco, termasuk salinan MyKad dan maklumat hubungan.
7	Matlamat & Cogan Kata Parti	Merangkumi aspirasi perjuangan parti, selari dengan Perlembagaan Malaysia dan Rukun Negara.
8	Dokumen Tambahan	Surat persetujuan presiden, pencadang, penyokong dan akuan pematuhan kod etika PBMy.



3.1.2 Proses Pendaftaran Parti



Penjelasan bagi proses pendaftaran parti adalah seperti berikut :

i. **Penghantaran Permohonan**

Permohonan dilakukan secara atas talian melalui sistem e-PBMy dengan memuat naik semua dokumen dan maklumat yang diperlukan.

ii. **Pengesahan Awal oleh Sekretariat PBMy**

Permohonan akan diteliti daripada segi kelayakan teknikal dan kesesuaian kandungan seperti nama parti dan struktur organisasi.

iii. **Sesi Temu Duga (jika perlu)**

Bagi permohonan yang memerlukan pengesahan lanjut, Sekretariat PBMy boleh menetapkan sesi temu duga ringkas atau penjelasan bertulis.

iv. **Kelulusan dan Pengesahan**

Surat pengesahan rasmi pendaftaran akan dikeluarkan oleh Sekretariat PBMy setelah semua syarat dipenuhi.

v. **Penerbitan Senarai Parti Berdaftar**

Parti yang diluluskan akan disenaraikan secara rasmi dalam laman sesawang e-PBMy dan layak menyertai pemilihan PBMy.

3.2 Pengurusan dan Perlembagaan Parti

Proses pendaftaran parti yang jelas dan seragam adalah penting untuk memastikan semua entiti yang bertanding dalam pilihan raya PBMy mematuhi standard asas tadbir urus dan etika. Antara perkara yang terlibat dalam pengurusan dan perlembagaan parti adalah sepeti berikut :

i. Badan Pendaftar Rasmi

Sekretariat PBMy adalah satu-satunya badan pendaftar rasmi untuk semua parti yang ingin menyertai PBMy. Parti-parti ini ialah entiti simulasi dan tidak memerlukan pendaftaran dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Registries of Societies - ROS). Ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dengan parti politik sebenar dan memastikan proses pendaftaran adalah selaras dengan objektif PBMy sebagai platform latihan.

ii. Keperluan Pendaftaran


Setiap kumpulan yang ingin menubuhkan parti mesti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti nama dan lambang parti yang unik, tidak menyentuh sentimen isu kaum (Race), agama (Religion), dan institusi diraja (Royalty) atau dikenali sebagai 3R, tidak bersifat kenegerian serta tidak menyerupai parti politik yang sedia ada.

iii. Perlembagaan Parti Mandatori

Setiap parti wajib merangka dan mengemukakan perlembagaan parti semasa pendaftaran. Buku panduan ini menguatkuasakan penggunaan templat perlembagaan asas yang telah disediakan oleh Sekretariat PBMy (rujuk Fasal 1-19 seperti di Lampiran A).

3.3 Larangan dan Tanggungjawab Parti

Parti dilarang menggunakan nama, lambang atau retorik politik yang berkait dengan mana-mana parti politik sebenar di Malaysia. Sebarang aktiviti atau kenyataan yang menghasut atau menyentuh sentimen isu kaum (Race), agama (Religion), dan institusi diraja (Royalty) yang dikenali sebagai 3R atau menghasut adalah dilarang sama sekali. Parti dilarang daripada menjalankan sebarang bentuk aktiviti kutipan dana, derma, atau sumbangan secara langsung daripada orang awam atau mana-mana pihak ketiga. Selaras dengan tatacara kewangan yang ditetapkan dalam Fasal 4.3, semua urusan penerimaan dana daripada sumber luar (seperti sumbangan institusi yang dibenarkan) mesti diuruskan secara eksklusif melalui Sekretariat PBMy. .Parti wajib menghantar laporan tahunan aktiviti dan keahlian kepada Sekretariat PBMy. Sekiranya parti didapati melanggar peraturan, parti yang terlibat boleh digantung atau dibatalkan pendaftarannya.



3.4 Pengurusan Kewangan

Satu set peraturan kewangan yang komprehensif perlu diperkenalkan bagi mencegah amalan politik wang serta memastikan akauntabiliti dan mendidik Ahli Perwakilan PBMy tentang pengurusan kewangan yang beretika. Antara jenis akaun yang akan diguna pakai oleh sekretariat PBMy bagi pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

3.5 Tatacara Pengurusan Dana

i. Terimaan Dana

Semua sumbangan/terimaan kepada parti akan diakaunkan ke dalam ATTD/Akaun Amanah untuk kegunaan semua parti. Sumbangan/Terimaan perlulah disahkan sumbernya.. Sumbangan/Terimaan yang diakaunkan ke ATTD/Akaun Amanah tidak boleh dikhususkan untuk sesebuah parti.

ii. Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran

Segala urusan berkenaan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran perlulah dikemukakan kepada Sekretariat PBMy berdasarkan tatacara kewangan sedia ada yang digariskan oleh Kerajaan.

iii. Larangan Penggunaan Dana

Dana parti hanya boleh digunakan bagi tujuan rasmi parti yang selaras dengan objektif PBMy, seperti aktiviti kempen, program pembangunan ahli dan kos pentadbiran. Penggunaan dana parti bagi tujuan peribadi atau aktiviti yang tidak berkaitan adalah dilarang sama sekali.

iv. Kerangka Pelaporan Kewangan Perkadaran

Pelaporan transaksi kewangan setiap terimaan dan bayaran ialah tanggungjawab setiap parti. Transaksi ini hendaklah disahkan dan dikemukakan kepada Sekretariat PBMy sebelum atau pada 10hb setiap bulan berikutnya bagi tujuan semakan dan pengesahan. Kegagalan pematuhan akan mengakibatkan parti dikenakan amaran seperti berikut:

Perkara	Amaun/Kadar	Tarikh Akhir Laporan	Akibat Kegagalan Pematuhan (Bukan Hukuman Kewangan)
Penyerahan Penyata Kewangan Bulanan	-	10hb setiap bulan berikutnya	Amaran: penggantungan aktiviti, pembatalan pendaftaran parti, atau hilang kelayakan untuk bertanding dalam pilihan raya berikutnya
Pengisytiharan Sumbangan (melebihi RM1,000)	Melebihi RM1,000	Dalam tempoh 14 hari penerimaan	Amaran: arahan untuk memulangkan sumbangan

SEKSYEN C – SISTEM PILIHAN RAYA

Seksyen ini menerangkan mengenai pengenalan dan evolusi pilihan raya serta mekanisme teknikal pengiraan jumlah kerusi. Inti pati utama bahagian ini ialah mengenai peralihan daripada sistem First Past The Post (FPTP) iaitu sistem pilihan raya yang digunakan secara rasmi di Malaysia, kepada Sistem Perwakilan Berkadar (Propotional Representional) – Senarai Parti Tertutup (Closed Party List).

4.0 Pengenalan dan Evolusi Sistem Pilihan Raya

Pemilihan Sistem Perwakilan Berkadar – Senarai Parti Tertutup mencerminkan komitmen berterusan ke arah pengukuhan tadbir urus demokrasi yang inklusif, berstruktur dan berteraskan dasar. Pendekatan ini memberi penekanan kepada peranan parti sebagai institusi yang memikul tanggungjawab kolektif dalam merangka dasar, hala tuju pembangunan serta agenda nasional yang mampan.

Melalui pelaksanaan sistem Senarai Parti Tertutup, pengagihan kerusi perwakilan dapat dilaksanakan secara seimbang dan sistematik selaras dengan jumlah sokongan undi yang diterima oleh sesebuah parti. Mekanisme ini menyokong prinsip perwakilan yang menyeluruh serta memperkukuh kesaksamaan dalam proses demokrasi.

Penggunaan model ini dalam PBMy memberikan beberapa kelebihan strategik yang signifikan. Pertama, model ini menggalakkan pembinaan struktur organisasi parti yang lebih tersusun, profesional dan berdaya saing, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Kedua, sistem ini menyediakan ruang yang kondusif untuk meningkatkan penyertaan wanita, golongan minoriti dan belia luar bandar melalui penyusunan senarai calon yang seimbang dan inklusif. Ketiga, pendekatan ini menyokong pengukuhan politik berasaskan dasar dengan menggalakkan pengundi menilai manifesto serta kerangka ideologi parti yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDGs) dan keutamaan pembangunan negara.

4.1 Sistem *First Past the Post*

Sistem First Past The Post (FPTP) ialah sistem pilihan raya yang digunakan secara rasmi di Malaysia. Dalam sistem ini, calon yang memperoleh undi terbanyak dalam setiap kawasan pilihan raya akan diisytiharkan sebagai pemenang, tanpa mengambil kira sama ada undi tersebut mewakili majoriti keseluruhan atau tidak. Sistem ini digunakan untuk memilih:

i. Ahli Dewan Rakyat (Parlimen Malaysia)
ii. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

4.2 Sistem Senarai Parti (Party List)

Sistem pilihan raya Senarai Parti (Party List) ialah satu bentuk Perwakilan Berkadar (Proportional Representation) dengan memberi hak kepada pengundi di mana mereka mengundi parti politik dan bukan kepada calon individu secara langsung (terutama dalam senarai tertutup). Jumlah kerusi dalam badan legislatif kemudiannya diagihkan berdasarkan bilangan undi yang diterima oleh setiap parti.

Sistem ini mempunyai dua variasi utama iaitu:

i. Senarai Parti Terbuka (Open Party List)

a. Pengundi boleh memilih calon tertentu daripada senarai parti.
b. Susunan calon boleh berubah bergantung pada jumlah undi individu yang diterima oleh calon.

ii. Senarai Parti Tertutup (Closed Party List)

a. Pengundi hanya memilih parti politik.
b. Parti menentukan susunan calon dalam senarai. Kerusi diperuntukkan bermula daripada calon teratas senarai sehingga kuota kerusi tercapai.

Perbandingan antara Senarai Parti Terbuka (*Open Party List*) dan Senarai Parti Tertutup (*Closed Party List*) :

Elemen	Senarai Parti Terbuka (Open Party List)	Senarai Parti Tertutup (Closed Party List)
Pelaksanaan	Parti Politik mengemukakan senarai calon yang tidak disusun mengikut nombor berturutan dan tanpa nombor di hadapan nama. (Abjad atau loteri sahaja)	Parti politik mengemukakan senarai calon yang disusun mengikut nombor urutan yang ditentukan oleh parti politik.
Kaedah Pengundian	Pengundi boleh memilih salah satu nama calon atau mengundi salah satu parti politik.	Pengundi memilih parti politik.
Penentuan Calon yang Dipilih	Dengan undian terbanyak.	Berdasarkan nombor urutan. Jika parti itu mendapat dua kerusi, maka calon yang dipilih adalah calon nombor 1 dan 2.
Tahap perwakilan	Mempunyai perwakilan yang tinggi kerana pengundi bebas memilih wakil mereka yang akan duduk di badan perundangan secara langsung, supaya pengundi boleh terus mengawal individu/wakil yang mereka pilih.	Kurang demokratik kerana rakyat tidak boleh memilih secara langsung wakil mereka yang akan duduk di badan perundangan. Pilihan parti politik tidak semestinya pilihan pengundi.
Peluang dan Kesaksamaan Pemilihan Calon	Potensi calon yang dipilih adalah calon tempatan dan berdasarkan sokongan orang ramai.	Peluang calon yang dipilih bergantung kepada kedudukan dalam senarai keutamaan yang ditetapkan oleh parti, dengan calon pada kedudukan teratas mempunyai peluang lebih besar untuk memperoleh kerusi.
Bilangan Kerusi dan Senarai Calon	Parti itu memperoleh kerusi berkadar dengan undi yang diperoleh.	Setiap parti membentangkan senarai calon dengan lebih daripada jumlah kerusi yang diperuntukkan kepada satu kawasan pilihan raya.
Contoh Negara Lain	Austria, Netherlands, Belgium dan Brazil.	South Africa, Argentina, Bulgaria dan Ecuador.

Secara umumnya, Sistem Pilihan Raya Senarai Parti (Party List) telah digunakan oleh kebanyakan negara di Eropah dalam memastikan pengagihan perwakilan yang lebih saksama untuk menghasilkan satu keputusan pilihan raya yang lebih adil. Antara negara yang menggunakan Sistem Pilihan Raya Senarai Parti (Party List) adalah Belanda, Belgium, Afrika Selatan dan Argentina. Pada masa yang sama, beberapa buah negara di Asia Tenggara seperti Cambodia, Indonesia dan Thailand juga telah lebih awal menerapkan Sistem Pilihan Raya Senarai Parti (Party List) ini[6]. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Electoral Reform Society United Kingdom[7] Sistem Senarai Parti Tertutup (Closed Party List) memberi tumpuan kepada kecekapan pengurusan calon oleh parti, manakala Sistem Senarai Parti Terbuka (Open Party List) meningkatkan peluang calon tertentu untuk dikenali di peringkat akar umbi, terutamanya dalam kalangan pengundi muda atau kumpulan minoriti.

Ringkasan perbandingan antara Sistem FPTP dan Sistem Senarai Parti (Party List)

Elemen Perbandingan	Sistem FPTP (Tradisional)	Sistem Senarai Parti (PBMy)
Unit Pengundian	Calon Individu.	Parti Politik.
Perwakilan	Majoriti mudah menentukan pemenang.	Perwakilan undi berkadar (Proportional).
Ketelusan Senarai	Calon bertanding di kawasan tertentu sahaja.	Senarai calon berperingkat mengikut negeri.
Kelebihan Utama	Keputusan pantas dan mudah difahami.	Mencerminkan kepelbagaian suara pengundi secara adil.

[6] IPU Parline Global Data on National Parliaments: Electoral System https://data.ipu.org/data-explorer

[7] Party List Proportional Representation https://www.electoral-reform.org.uk/voting-systems/types-of-voting-system/party-list-pr/

Kelebihan dan Kekurangan FPTP

<table>
<tr><th colspan="2">Sistem FPTP</th><th colspan="2">Sistem Senarai Parti</th></tr>
<tr><th rowspan="2">Kelebihan</th><th rowspan="2">Kelemahan</th><th>Kelebihan</th><th>Kelemahan</th></tr>
<tr><th colspan="2">Senarai Parti Terbuka
(Open Party List)</th></tr>
<tr><td rowspan="3">i. Mudah difahami dan dilaksanakan.
ii. Keputusan pilihan raya dapat diumumkan dengan cepat.
iii. Menyokong pembentukan kerajaan majoriti yang stabil.</td><td rowspan="3">i. Tidak mencerminkan secara perkadaran jumlah undi yang diperoleh oleh parti politik.
ii. Boleh menghasilkan situasi parti yang mendapat undian terendah memenangi majoriti kerusi.
iii. Cenderung kepada sistem dua parti dominan dan mengurangkan peluang untuk parti kecil.</td><td>i. Penggalakan kepada calon yang bersaing untuk meraih sokongan daripada pengundi.
ii. Mewujudkan keakraban antara pengundi dengan mereka yang dipilih.
iii. Legitimasi antara calon legislatif dan pengundi.
iv. Menghapuskan nepotisme.
v. Kesahihan yang kuat.
vi. Memperkukuh sistem perwakilan yang lebih adil.
vii. Nama calon dipaparkan kepada pengundi supaya rakyat tahu siapa wakil rakyat mereka.</td><td>i. Kecenderungan untuk politik wang berlaku sangat tinggi.
ii. Memerlukan modal politik yang besar.
iii. Kerumitan pengiraan keputusan undi.
iv. Sukar untuk menguatkuasakan kuota jantina dan etnik.
v. Persaingan politik menjadi liberal.
vi. Tiada standard kelayakan pencalonan.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Senarai Parti Tertutup (Closed Party List)</td></tr>
<tr><td>i. Memudahkan untuk memenuhi kuota wanita atau kumpulan etnik minoriti</td><td>i. Pemilih tidak berperanan dalam menentukan siapa wakil parti mereka kerana nama calon disimpan</td></tr>
</table>

Sistem FPTP		Sistem Senarai Parti	
		kerana parti politik menentukan calon mereka. ii. Dapat meminimumkan amalan politik wang dan rasuah politik. iii. Memantapkan tanggungjawab parti politik. iv. Mudah menilai prestasi parti politik.	oleh parti politik sehingga rakyat tidak tahu siapa yang akan menjadi wakil rakyat ii. Kurang responsif terhadap perubahan yang berlaku dengan pantas. iii. Menjauhkan hubungan antara pengundi dan wakil rakyat selepas pilihan raya. iv. Bergantung kepada oligarki dan nepotisme.

5.0 Formula *Hare Quota*

Formula *Hare Quota* digunakan untuk menentukan bilangan kerusi yang diperoleh setiap parti di setiap negeri, berdasarkan jumlah undian yang dimenangi oleh setiap parti.

5.1 Mekanisme Teknikal Pengiraan Kerusi: Formula *Hare Quota*

Bagi memastikan proses pengagihan kerusi dilakukan dengan tepat dan tidak boleh dipertikaikan, Sekretariat PBMy mengguna pakai Formula *Hare Quota*. Formula ini digunakan untuk menetapkan nilai ambang (threshold) undian yang diperlukan bagi memenangi satu kerusi di sesebuah negeri. Setiap parti perlulah mencapai sekurang-kurangnya ambang 5% dan ke atas untuk menjamin kerusi yang bakal diisi. Secara teknikal, pengiraan dilakukan dengan membahagikan jumlah keseluruhan undian sah dengan bilangan kerusi yang diperuntukkan bagi negeri tersebut.

Formula *Hare Quota* dinyatakan sebagai:

$$\mathbf{H = \frac{V}{S}}$$

Yang mana:

- H ialah *Hare Quota* (Jumlah undi yang diperlukan untuk satu kerusi).
- V ialah jumlah undian sah yang diterima di sesebuah negeri.
- S ialah jumlah kerusi yang diperuntukkan bagi negeri tersebut.

Sebagai contoh, negeri Kedah mempunyai 150,000 jumlah undian dan 15 jumlah kerusi Parlimen. Agihan kerusi setiap parti berdasarkan formula *Hare Quota.*

$$\frac{150{,}000}{15} = 10{,}000$$

(1 kerusi bersamaan 10,000 undian)

Parti	Jumlah Undian yang Dimenangi	Bilangan Kerusi Mengikut Parti
A	30,000	3
B	20,000	2
C	10,000	1
D	22,000	2.2 (2 kerusi)
E	40,000	4
F	18,000	1.8 (2 kerusi)
G	10,000	1
Jumlah Parti = 7	Jumlah undian = 150,000	Jumlah kerusi = 15 (2.2 dikira 2 kerusi dan 1.7 dikira 2 kerusi)

Proses pengagihan undi dijalankan dalam dua pusingan bagi memastikan tiada undi yang terbazir. Pusingan pertama memperuntukkan kerusi berdasarkan kuota penuh yang dicapai oleh setiap parti. Pusingan kedua menggunakan Kaedah Baki Terbesar (largest remainder method), yang mana baki kerusi diagihkan satu demi satu kepada parti yang mempunyai baki undi tertinggi sehingga semua kerusi diisi sepenuhnya.

Pendekatan ini selari dengan syor penambahbaikan proses pilihan raya yang pernah dibincangkan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya pada tahun 2012 bagi mewujudkan sistem yang lebih seimbang.



<u>Justifikasi Pemilihan Sistem Senarai Parti (Party List) dan Formula *Hare Quota* untuk PBMy.</u>

Justifikasi	Perincian
Mencerminkan Sistem Demokrasi Berparlimen Berasaskan Parti	• Memupuk kefahaman tentang sistem politik Malaysia yang berasaskan parti, bukan individu. • Menggalakkan pembinaan struktur parti yang tersusun, berorganisasi dan bertanggungjawab.
Menggalakkan Perwakilan Dari Pelbagai Kumpulan	• Model ini memberi peluang lebih adil kepada parti yang mewakili golongan minoriti, wanita, belia dan kumpulan rentan. • Menggalakkan parti menyediakan senarai calon yang inklusif dan mencerminkan kepelbagaian masyarakat.

Justifikasi	Perincian
Mengelakkan Politik Individu & Politik Wang	• Menyekat budaya politik peribadi atau *personality politics* yang cenderung kepada popularity semata-mata. • Mengurangkan risiko politik wang kerana pengundi tidak memilih calon individu.
Menyediakan Ruang Latihan Kepimpinan Parti	• Membina kepimpinan parti secara berstruktur melalui latihan, saringan dan inisiatif pembangunan dalam organisasi parti masing-masing. • Membantu calon membina pengalaman dan membentuk jaringan perhubungan sebelum diketengahkan sebagai calon.

SEKSYEN D – TATACARA PILIHAN RAYA

6.0 Syarat Pemilih dan Calon Pilihan Raya

Syarat-syarat ini bertujuan memastikan proses pemilihan Ahli Perwakilan PBMy dijalankan secara adil, telus dan berkualiti, serta melibatkan individu yang memenuhi kriteria kepimpinan dan berintegriti. Setiap individu yang ingin mengambil bahagian dalam program PBMy sama ada sebagai **pemilih**, **calon**atau **presiden parti**perlu memenuhi syarat-syarat minimum yang akan diperincikan di bahagian seterusnya.

6.1 Syarat Pemilih



Tarikh Akhir bagi pendaftaran pemilih adalah dalam 14 Hari sebelum hari pengundian.

6.2 Syarat Calon Pilihan Raya

Antara syarat-syarat calon pilihan raya PBMy adalah seperti berikut :

i. Warganegara Malaysia;
ii. Waras (mempunyai akal fikiran yang sihat dan mampu membuat keputusan dengan baik);
iii. Berumur antara 18 – 30 tahun semasa memohon;
iv. Berdaftar dengan sistem pemilihan Perwakilan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBMy);
v. Mewakili negeri seperti yang alamat yang tertera di dalam kad pengenalan (MyKad); dan
vi. Tidak muflis.

6.3 Proses Pemilihan Ahli Perwakilan Parlimen Belia

Proses pemilihan Ahli Perwakilan PBMy mengikut Sistem Perwakilan Berkadaran (Proportional Representation) dan Sistem Senarai Parti Tertutup (Closed Party List) yang membolehkan setiap parti belia mengemukakan senarai calon mengikut bilangan kerusi yang diperuntukkan di negeri masing-masing. Sistem ini memperkukuh amalan demokrasi secara berstruktur dan mendidik belia tentang proses pilihan raya sebenar.

6.4 Pencalonan Ahli Perwakilan PBMy oleh Parti



Setiap parti belia yang telah berdaftar dalam e-PBMy akan mengemukakan senarai calon yang disusun mengikut keutamaan oleh parti tersebut. Proses pencalonan merangkumi:

i. Penyerahan senarai calon kepada Sekretariat PBMy mengikut bilangan kerusi parlimen di negeri masing-masing.
ii. Calon mestilah memenuhi semua syarat pencalonan.
iii. Keperluan Keseimbangan Wakil dalam Senarai Calon yang inklusif dan mempunyai kepelbagaian. *(Wanita, Belia Luar Bandar, Belia Orang Asli/Pribumi Bergantung pada dan Bergantung pada, Belia OKU dan Belia Minoriti Agama dan Kaum)*
iv. Memastikan susunan keutamaan calon tidak menyingkirkan kumpulan minoriti ke kedudukan bawah.
v. Senarai calon akan dimuat naik dalam portal rasmi PBMy untuk hebahan umum.
vi. Penarikan diri calon selepas penamaan tidak dibenarkan kecuali atas sebab tertentu dengan pengesahan Sekretariat PBMy.

6.5 Penamaan Calon Ahli Perwakilan PBMy

Bagi memastikan proses penamaan calon Ahli Perwakilan PBMy dilaksanakan secara teratur, inklusif dan mengambil kira kepelbagaian demografi setiap negeri, semua parti yang bertanding hendaklah mematuhi ketetapan berikut:

6.5.1 Senarai Calon Mengikut Negeri

i. Setiap parti hendaklah mengemukakan 100% senarai calon berdasarkan jumlah kerusi yang dipertandingkan di setiap negeri.
ii. Bagi tujuan penamaan calon, status calon tempatan hendaklah ditentukan berdasarkan negeri yang tercatat pada Kad Pengenalan (MyKad) calon.
iii. Sekiranya parti tidak dapat memenuhi keseluruhan senarai menggunakan calon tempatan, parti dibenarkan menggunakan komposisi sekurang-kurangnya 70% calon tempatan dan sehingga 30% calon luar negeri.
iv. Pertimbangan khas boleh diberikan oleh Sekretariat PBMy bagi negeri atau wilayah yang mempunyai jumlah kerusi yang terhad.

6.5.2 Pencalonan Silang Parti

i. Pencalonan silang parti tidak dibenarkan.
ii. Setiap calon hanya boleh bertanding mewakili parti yang didaftarkan. Sebarang penggabungan parti hendaklah dimuktamadkan sebelum hari penamaan calon, tertakluk kepada ketetapan yang ditetapkan oleh Sekretariat PBMy.

6.5.3 Perwakilan Calon Wanita

Bagi memastikan wakil wanita dalam senarai keutamaan calon, tiga (3) calon teratas hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya seorang (1) calon wanita.

6.5.4 Definisi Calon Minoriti

a) Bagi maksud penamaan calon PBMy, calon minoriti merujuk kepada calon yang memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada kategori berikut:

- Orang Asli
- Orang Kurang Upaya (OKU)
- Bukan Bumiputera
- Kumpulan etnik atau komuniti Bumiputera minoriti, khususnya di Sabah dan Sarawak, yang bukan daripada kumpulan etnik utama atau dominan di negeri berkenaan

b) Seseorang calon yang memenuhi sekurang-kurangnya satu (1) daripada kategori di atas boleh diambil kira sebagai calon minoriti.

c) Bagi Sabah dan Sarawak, penentuan calon minoriti hendaklah mengambil kira kepelbagaian etnik dan demografi setempat serta tidak terhad kepada kategori Bukan Bumiputera sahaja.

6.5.5 Kadar Perwakilan Calon Minoriti

i. Setiap parti hendaklah memastikan sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan senarai calon bagi setiap negeri terdiri daripada calon minoriti.

ii. Walau bagaimanapun, bagi Kelantan dan Terengganu, kadar minimum perwakilan calon minoriti ditetapkan sebanyak 10% daripada keseluruhan senarai calon.

iii. Syarat perwakilan calon minoriti dikecualikan bagi negeri atau wilayah yang mempunyai tiga (3) kerusi atau kurang iaitu Perlis, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

iv. Sekiranya pengiraan kadar minimum menghasilkan angka perpuluhan, jumlah calon minoriti hendaklah dibundarkan ke atas kepada nombor bulat terdekat.

6.5.6 Agihan Calon Minoriti dalam Senarai Keutamaan

i. Bagi memastikan calon minoriti tidak tertumpu pada kedudukan tertentu sahaja, keseluruhan senarai keutamaan calon bagi setiap negeri hendaklah dibahagikan kepada tiga (3) kelompok yang hampir sama. Pembahagian hendaklah dibuat mengikut turutan senarai keutamaan calon.

ii. Sekiranya jumlah calon tidak dapat dibahagikan sama rata kepada tiga (3) kelompok, **baki kedudukan hendaklah diagihkan bermula daripada Kelompok 3, diikuti Kelompok 2**, supaya perbezaan saiz antara kelompok tidak melebihi satu (1) kedudukan.

iii. Jumlah minimum calon minoriti hendaklah diagihkan antara ketiga-tiga kelompok berdasarkan jadual di bawah:

Jadual Agihan Calon Minoriti Mengikut Senarai Keutamaan

Jumlah Calon	Kelompok 1	Kelompok 2	Kelompok 3
6	1–2	3–4	5–6
8	1–2	3–5	6–8
11	1–3	4–7	8–11
14	1–4	5–9	10–14
22	1–7	8–14	15–22
25	1–8	9–16	17–25
26	1–8	9–17	18–26
31	1–10	11–20	21–31

iv. Bagi negeri yang mempunyai tiga (3) atau lebih calon minoriti, setiap kelompok hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) calon minoriti, manakala baki calon minoriti hendaklah diagihkan secara seimbang mengikut saiz kelompok.

v. Bagi negeri yang mempunyai tiga (3) atau lebih calon minoriti, setiap kelompok hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya seorang (1) calon minoriti, manakala baki calon minoriti hendaklah diagihkan secara seimbang antara kelompok berdasarkan saiz setiap kelompok.

vi. Sekiranya pembahagian jumlah calon kepada tiga (3) kelompok menghasilkan baki, baki kedudukan hendaklah dimasukkan ke dalam kelompok berikutnya secara berperingkat supaya saiz setiap kelompok kekal hampir seimbang.

6.5.7 Pengisian Kerusi Berdasarkan Senarai Keutamaan

i. Setiap parti hendaklah menyusun calon mengikut turutan keutamaan semasa mengemukakan senarai calon bagi setiap negeri.

ii. Senarai keutamaan tersebut akan menjadi asas bagi menentukan calon yang mengisi kerusi yang diperoleh oleh parti berdasarkan keputusan pilihan raya.

iii. Sekiranya sesebuah parti memperoleh sejumlah kerusi di sesebuah negeri, kerusi tersebut hendaklah diisi oleh calon mengikut turutan dalam senarai keutamaan, bermula daripada calon pada kedudukan pertama dan seterusnya sehingga jumlah kerusi yang diperoleh oleh parti berkenaan dipenuhi.

Contoh: Sekiranya sesebuah parti memperoleh lima (5) kerusi, calon pada kedudukan 1 hingga 5 dalam senarai keutamaan parti tersebut akan mengisi kerusi berkenaan.

Pengisian Kerusi Berdasarkan Senarai Keutamaan

Negeri / Wilayah	Kerusi	Kadar Minoriti	Min. Minoriti	Kelompok 1	Kelompok 2	Kelompok 3	Agihan Minoriti (K1–K2–K3)
Johor	26	30%	**8**	1–8	9–17	18–26	**2–3–3**
Kedah	15	30%	**5**	1–5	6–10	11–15	**1–2–2**
Kelantan	14	10%	**1**	1–4	5–9	10–14	**0–1–0**
Melaka	6	30%	**2**	1–2	3–4	5–6	**1–1–0**
Negeri Sembilan	8	30%	**2**	1–2	3–5	6–8	**0–1–1**
Pahang	14	30%	**4**	1–4	5–9	10–14	**1–2–1**
Pulau Pinang	13	30%	**4**	1–4	5–8	9–13	**1–1–2**
Perak	24	30%	**7**	1–8	9–16	17–24	**2–2–3**
Perlis	3	Dikecualikan	**0**	—	—	—	**Dikecualikan**
Sabah	25	30%	**8**	1–8	9–16	17–25	**2–3–3**
Sarawak	31	30%	**9**	1–10	11–20	21–31	**3–3–3**
Selangor	22	30%	**7**	1–7	8–14	15–22	**2–2–3**
Terengganu	8	10%	**1**	1–2	3–5	6–8	**1–0–0**
W.P. Kuala Lumpur	11	30%	**3**	1–3	4–7	8–11	**1–1–1**
W.P. Labuan	1	Dikecualikan	**0**	—	—	—	**Dikecualikan**
W.P. Putrajaya	1	Dikecualikan	**0**	—	—	—	**Dikecualikan**

Nota: Agihan di atas menetapkan bilangan minimum calon minoriti bagi setiap kelompok. Parti boleh mengemukakan calon minoriti melebihi jumlah minimum yang ditetapkan, tertakluk kepada pematuhan susunan dan syarat penamaan calon PBMy.

6.6 Berkempen

Tempoh berkempen adalah dalam dua minggu (14 hari) dari hari penamaan calon, tertakluk kepada ketetapan pihak sekretariat PBMy. Kempen boleh dilaksanakan melalui:

i. Media sosial rasmi calon dan parti.
ii. Sesi dialog maya/fizikal yang dibenarkan.
iii. Penyebaran bahan kempen (video, infografik, manifesto) melalui portal rasmi PBMy dan rangkaian belia negeri.

6.6.1 Etika Berkempen

PBMy bukan sahaja merupakan platform penyertaan dan kepimpinan belia, malah berperanan sebagai medan pendidikan demokrasi bagi membudayakan amalan politik yang matang, sihat dan berintegriti dalam kalangan generasi muda.

Semua parti, calon dan ahli yang terlibat diingatkan supaya memberikan perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

i. Mengamalkan kempen yang berhemah dan profesional dengan memberikan tumpuan kepada manifesto, dasar, idea serta cadangan yang memberi manfaat kepada pembangunan belia dan negara.

ii. Mengelakkan provokasi, fitnah, penghinaan, serangan peribadi atau kenyataan yang boleh mencetuskan permusuhan, sama ada melalui media sosial mahupun platform komunikasi yang lain.

iii. Menghormati perbezaan pandangan dan persaingan antara parti serta mengamalkan budaya perdebatan yang matang dan berasaskan fakta.

iv. Memastikan kenyataan dan maklumat yang disebarkan adalah tepat dan bertanggungjawab, serta tidak mengelirukan orang awam atau menjejaskan reputasi mana-mana pihak melalui dakwaan yang tidak berasas.

v. Tidak membangkitkan isu sensitif berkaitan isu kaum (Race), agama (Religion), dan institusi diraja (Royalty) atau dikenali sebagai 3R yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

vi. Menguruskan pertikaian dalaman parti secara profesional dan mengelakkan penggunaan platform awam bagi mencetuskan konflik yang boleh menjejaskan kelancaran proses pilihan raya.

vii. Semua pihak hendaklah memastikan bahawa aktiviti, bahan dan kenyataan kempen tidak mengaitkan PBMy dengan mana-mana parti politik sebenar di Malaysia, sama ada secara langsung atau tidak langsung. PBMy merupakan platform penyertaan dan kepimpinan belia yang bersifat non-partisan serta tidak bersekutu dengan mana-mana parti politik sebenar.

Sekiranya terdapat aduan berkaitan salah laku sepanjang tempoh kempen, pihak yang terlibat boleh mengemukakan aduan rasmi berserta bukti yang berkaitan kepada Sekretariat PBMy untuk penelitian dan tindakan sewajarnya

Kegagalan mematuhi ketetapan ini boleh mengakibatkan tindakan tatatertib diambil terhadap pihak yang terlibat, tertakluk kepada peraturan dan tatacara yang berkuat kuasa.

7.0 Hari Mengundi

Pada hari mengundi, sistem e-PBMy akan dibuka mengikut waktu yang diwartakan oleh Sekretariat PBMy iaitu selama 24 jam. Pengundi yang telah log masuk akan dipaparkan dengan kertas undi digital yang mengandungi nama dan lambang parti-parti yang bertanding di negeri mereka. Antara perkara yang melibatkan prosedur hari mengundi adalah seperti berikut:

i. **Kerahsiaan Undi**: Sistem tidak boleh menyimpan perkaitan (link) antara identiti pengundi dan pilihan undi mereka dalam pangkalan data keputusan.
ii. **Satu Pengundi, Satu Undi**: Sistem secara automatik akan menyekat sebarang percubaan untuk mengundi semula sebaik sahaja satu undi berjaya direkodkan.
iii. **Bantuan Pengundi**: Sekiranya berlaku masalah teknikal, pengundi boleh menghubungi Sekretariat PBMy melalui aplikasi e-PBMy (support@parlimenbelia.com)

7.1 Pengundian

Pengundian akan dijalankan secara dalam talian melalui sistem e-PBMy yang dibangunkan dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi serta menjamin ketelusan proses pengundian.

i. Pengundi hanya boleh memilih satu parti mengikut senarai yang bertanding di negeri masing-masing.

ii. Undi yang diterima oleh setiap parti akan dikira untuk menentukan bilangan kerusi yang dimenangi berdasarkan formula *Hare Quota.*

iii. Pengundi hanya boleh memilih satu parti mengikut senarai yang bertanding di negeri masing-masing.

iv. Kerusi diagihkan kepada calon mengikut susunan dalam senarai parti masing-masing.

7.1.1 Tatacara Mengundi Dalam Talian Menerusi Aplikasi Sistem e-PBMy

Berikut merupakan panduan langkah-langkah pengundian untuk ahli PBMy yang telah mendaftar:

TATACARA PENGUNDIAN SISTEM E-PBMy

8.0 Kod Perkecualian Pegawai dan Penguatkuasaan Tatatertib

Kod Perkecualian Pegawai diperkenalkan untuk memastikan setiap individu dalam Sekretariat PBMy bertindak secara *non-partisan* dan profesional.

Sekretariat PBMy bertindak sebagai *Election Officers* dalam konteks simulasi. Kod perkecualian ini menetapkan bahawa pegawai tidak boleh:

i. Menzahirkan sokongan kepada mana-mana parti simulasi atau calon secara terbuka.
ii. Menyumbang dalam apa jua bentuk dana atau tenaga kepada kempen parti.
iii. Memberikan maklumat sulit mengenai strategi atau data ahli sesuatu parti kepada pihak lawan.

Perkecualian ini adalah penting bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat oleh Sekretariat PBMy, sama ada dalam pendaftaran calon atau penyelesaian pertikaian, dilihat sebagai adil dan saksama. Prinsip ini selaras dengan budaya birokrasi Malaysia yang menekankan kecemerlangan melalui perkecualian dan kepatuhan kepada Perintah Am.

SEKSYEN E – PELANTIKAN AHLI PERWAKILAN BELIA MALAYSIA

9.0 Pelantikan Ahli Perwakilan PBMy (APPBMy)

Ahli Perwakilan PBMy yang dipilih akan dilantik secara rasmi oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau wakil yang dilantik secara pentadbiran oleh Sekretariat PBMy. Antara syarat-syarat pelantikan adalah seperti berikut:

i. Tempoh lantikan adalah selama dua (2) tahun.
ii. Ahli Perwakilan PBMy boleh dilantik semula hanya sekali dalam tempoh umur kelayakan (18 – 30 tahun).
iii. Ahli Perwakilan PBMy perlu menandatangani Perjanjian Penyertaan dan Aku Janji mematuhi Kod Etika Ahli Perwakilan PBMy.
iv. Sekiranya berlaku kekosongan kerusi (contohnya penarikan diri, kematian, atau tindakan tatatertib), presiden parti berkenaan boleh mencadangkan calon seterusnya dalam senarai mereka untuk menggantikan tempat.

9.1 Proses Pelantikan Ahli Perwakilan PBMy

i. Berikut merupakan proses pelantikan Ahli Perwakilan PBMy:Ahli Perwakilan Parlimen Belia Malaysia dipilih menerusi undian dalam talian.
ii. Ahli Perwakilan PBMy dilantik secara rasmi oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat..
iii. Tempoh Lantikan Ahli Perwakilan PBMy adalah selama dua (2) tahun.
iv. Ahli Perwakilan PBMy menandatangani Perjanjian Penyertaan dan berjanji untuk mematuhi Kod Etika.
v. Presiden parti mencadangkan pengganti jika berlaku kekosongan.
vi. Ahli Perwakilan PBMy boleh dilantik semula sekali dalam tempoh umur kelayakan.

9.2 Peranan dan Tanggungjawab Ahli Perwakilan PBMy

Bahagian ini memperincikan peranan, tanggungjawab, dan standard etika yang perlu dipatuhi oleh setiap individu yang menyertai PBMy. Penetapan ini adalah asas untuk membina sebuah budaya program yang profesional dan berdisiplin.

Menjadi seorang Ahli Perwakilan PBMy merupakan satu penghormatan yang datang dengan tanggungjawab yang besar. Peranan ini melangkaui penyertaan dalam persidangan semata-mata, ia merupakan satu amanah untuk mewakili suara, aspirasi, dan kepentingan belia di kawasan masing-masing.

uraian peranan ini diperincikan dan disesuaikan mengikut kehendak belia Malaysia yang dibahagikan kepada tiga (3) aspek utama.

i. Akauntabiliti kepada belia di kawasan perwakilan:

a. Tugas penting seorang Ahli Perwakilan PBMy adalah untuk mewakili pandangan belia di kawasannya. Ini termasuklah belia yang mengundi mereka, yang tidak mengundi mereka dan setiap belia di dalam kawasan perwakilan mereka.
b. Ahli Perwakilan PBMy boleh untuk secara aktif mendapatkan pandangan belia di kawasan perwakilan melalui pelbagai kaedah seperti sesi dialog, tinjauan dalam taliandan projek komuniti.
c. Ahli Perwakilan PBMy mesti melaporkan semula aktiviti dan hasil persidangan PBMy kepada belia di kawasan perwakilan secara berkala.

ii. Komitmen kepada program:

a. Menghadiri dan mengambil bahagian secara aktif dalam semua acara dan mesyuarat PBMy yang dijadualkan, daripada peringkat negeri hingga kebangsaan, termasuk persidangan dan sidang-sidang khas.
b. Menjaga hubungan komunikasi dengan Sekretariat PBMy dan Lembaga Tadbir Urus (LTU), termasuk menjawab e-mel, panggilan dan surat dengan segera.
c. Menyumbang secara aktif kepada proses penggubalan dasar PBMy dengan mengemukakan usul, mengambil bahagian dalam perbahasan jawatankuasa dan mengundi berdasarkan maklumat yang tepat semasa persidangan.

iii. Tanggungjawab sebagai duta program:

a. Pada setiap masa, Ahli Perwakilan PBMy mesti bertindak dan berkomunikasi dengan cara yang tidak merosakkan reputasi PBMy atau Parlimen Malaysia sebagai institusi penaung.

b. Mempromosikan kerja-kerja positif PBMy kepada masyarakat umum dan media.

c. Menjadi contoh teladan kepada belia lain melalui kelakuan yang beretika, profesional dan berintegriti.

SEKSYEN F – KOD ETIKA AHLI PERWAKILAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA

10.0 Kod Etika dan Tata Kelakuan

Kod etika ini ialah satu set peraturan mandatori yang terpakai kepada semua peserta PBMy dalam semua kapasiti sama ada sebagai Ahli Perwakilan, pemimpin parti, Ahli PBMy berdaftar atau sukarelawan. Ia merangkumi semua interaksi, sama ada secara bersemuka, dalam talian atau melalui platform digital. Penetapan kod etika yang terperinci, terutamanya mengenai perkecualian politik dan penggunaan media sosial, bukan sahaja bertujuan untuk mengawal selia tingkah laku peserta, ia juga berfungsi sebagai satu mekanisme pengurusan risiko yang proaktif bagi Parlimen Malaysia.

Sebagai institusi penaung, reputasi Parlimen Malaysia berkait rapat dengan PBMy. Tindakan Ahli Perwakilan PBMy boleh disalah anggap oleh orang awam sebagai pendirian rasmi Parlimen Malaysia. Oleh itu, peraturan yang jelas dan tegas ini merupakan langkah tadbir urus yang kritikal untuk melindungi integriti dan status *non-partisan* institusi Parlimen, sekali gus menjamin kelangsungan dan kredibiliti program PBMy dalam jangka masa panjang.

10.1 Prinsip Am Kelakuan

Berikut merupakan prinsip am kelakuan bagi Ahli Perwakilan PBMy dan Ahli PBMy Berdaftar:





10.2 Perkecualian Politik Kepartian



Peraturan mandatori ini menjadi tunjang kepada pelaksanaan PBMy sebagai sebuah platform yang membincangkan dasar, tadbir urus serta isu yang memberi kesan kepada masyarakat. Sebagai sebuah platform yang bersifat non-partisan, PBMy tidak bersekutu dengan menyokong atau memihak kepada mana-mana parti politik sebenar di Malaysia.

Peraturan-peraturan berikut adalah mandatori bagi semua parti yang terlibat:

i. Fokus Berasaskan Isu

Semua perbincangan mesti berasaskan isu dan dasar, bukan serangan peribadi bagi mengelakkan kritikan kepartian.

ii. Keterlibatan Seimbang

Apabila menjemput ahli politik atau penceramah luar, usaha mesti dibuat untuk memastikan perwakilan yang seimbang dari pelbagai spektrum politik. Sebagai contoh apabila bertemu dengan Anggota Pentadbiran, Perwakilan PBMy harus merujuk kepada jawatan rasmi mereka (contohnya, "Menteri Kesihatan"), bukan afiliasi parti mereka.

iii. Pemisahan Identiti

Ahli Perwakilan PBMy mesti mewujudkan pemisahan yang jelas antara peranan rasmi mereka dalam PBMy dan sebarang aktiviti politik peribadi.

a. Penyataan umum seperti *"semua pandangan ialah pandangan peribadi saya"* tidak mencukupi jika akaun atau forum yang sama digunakan untuk membincangkan kerja PBMy dan menyuarakan sokongan partisan.

b. Jika seorang Perwakilan PBMy ingin menyatakan pandangan politik peribadi atau terlibat dalam aktiviti parti politik sebenar, ia mesti dilakukan tanpa sebarang rujukan kepada peranan atau penglibatan mereka dalam PBMy.

10.3 Kod Etika

Kod Etika merupakan instrumen kritikal dalam mengawal selia tingkah laku peserta bagi memastikan persaingan dilakukan secara sihat dan profesional. Dalam persekitaran digital masa kini, kod etika ini memberikan penekanan khusus kepada pengurusan naratif di platform media sosial serta pematuhan kepada sensitiviti nasional.

10.3.1 Larangan Tegas Isu 3R dan Keharmonian Kaum

Selaras dengan pendirian tegas Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Malaysian Communications and Multimedia Commision - MCMC) terhadap penyebaran kandungan kebencian, Sekretariat PBMy melarang sebarang bentuk kempen yang menyentuh isu kaum (Race), agama (Religion), dan institusi diraja (Royalty) atau dikenali sebagai 3R. Larangan ini bukan sekadar peraturan dalaman, tetapi merupakan cerminan kepada pematuhan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, khususnya Seksyen 4A yang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan mempromosikan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum atau agama.

Penyebaran maklumat palsu atau fitnah dilarang semasa tempoh kempen. Mana-mana calon atau parti yang didapati menggunakan taktik "politik toksik" akan berhadapan dengan tindakan disiplin yang boleh membawa kepada pengguguran kelayakan bertanding secara serta-merta. Penggunaan platform digital sebagai saluran utama kempen bermakna setiap kandungan yang dimuat naik akan dipantau oleh Sekretariat PBMy yang berfungsi menyerupai Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP- KPR) di bawah Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) .

10.3.2 Kod Etika Media Sosial

Satu inovasi dalam Kod Etika Kempen PBMy merupakan keperluan "Pemisahan Akaun" bagi Ahli Perwakilan PBMy dan calon. Memandangkan mereka dianggap sebagai duta kepada institusi Parlimen Malaysia, setiap Ahli Perwakilan PBMy diwajibkan untuk mewujudkan profil media sosial rasmi yang khusus untuk urusan PBMy. Penggunaan akaun peribadi untuk tujuan kempen rasmi adalah dilarang bagi mengelakkan percampuran antara pandangan peribadi dan pendirian rasmi program.

Protokol media sosial menetapkan larangan terhadap:

i. **Pautan Silang (Cross-linking)**: Perkongsian semula (resharing) kandungan daripada akaun peribadi atau akaun parti PBMy ke akaun rasmi PBMy.
ii. **Buli Siber dan Gangguan**: Penggunaan bahasa kasar, serangan peribadi (ad hominem), atau memalukan pihak lawan secara dalam talian.
iii. **Penyebaran Kandungan Sulit**: Mendedahkan perbincangan jawatankuasa dalaman atau data peribadi ahli lain tanpa kebenaran.

Standard profesionalisme ini adalah penting kerana kegagalan mengawal selia media sosial boleh membawa kesan undang-undang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang mana penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian ialah satu kesalahan

10.3.3 Kawalan Kewangan dan Larangan Kutipan Dana Awam

Integriti kewangan adalah asas kepada perkecualian politik dalam PBMy. Peraturan kempen menetapkan had maksimum atau siling perbelanjaan (Funding Cap) bagi setiap parti. Berbeza dengan pilihan raya nasional di mana ejen pilihan raya menguruskan dana sendiri, PBMy mewajibkan penggunaan Akaun Amanah yang diuruskan oleh Sekretariat. Parti dilarang sama sekali daripada menjalankan kutipan dana awam atau menerima sumbangan daripada pihak ketiga secara langsung.

10.4 Tata Kelakuan Perbahasan

Sesi perbahasan merupakan proses utama dalam sidang parlimen. Untuk memastikan perbahasan berjalan dengan lancar, semua peserta mesti mematuhi tata kelakuan berikut semasa persidangan dan sesi debat rasmi tertakluk kepada Peraturan Tetap PBMy. Peraturan lengkap adalah berdasarkan dokumen Peraturan Tetap Persidangan PBMy seperti berikut; Peraturan Tetap PBMy akan dikemas kini dari semasa ke semasa di laman web rasmi PBMy.



i. Hujah Melawan Hujah

Prinsip utama debat PBMy ialah "mencabar hujah, bukan individu yang menyampaikannya". Serangan peribadi, cemuhan atau perbuatan yang memperkecilkan pembahas lain adalah dilarang sama sekali.

ii. Penggunaan Fakta yang Tepat

Pembahas harus berusaha untuk memastikan apa sahaja yang mereka katakan adalah betul daripada segi fakta dan mengelak daripada membuat kenyataan yang mereka tahu tidak benar atau yang boleh memudaratkan orang lain.

iii. Bahasa yang Sopan

Penggunaan bahasa kesat atau tidak sopan adalah dilarang.

iv. Menghormati Yang di-Pertua

Semua keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua(Speaker) adalah muktamad. Pembahas mesti mematuhi arahan Yang di-Pertua mengenai giliran bercakap, had masa dan peraturan dewan.

10.5 Prosedur Tatatertib dan Rayuan

Untuk memastikan semua keputusan tatatertib dibuat secara adil dan saksama, PBMy mengguna pakai proses yang mematuhi prinsip keadilan asasi (natural justice) di bawah undang-undang Malaysia. Proses ini memastikan hak untuk didengar (audi alteram partem) dan peraturan menentang berat sebelah (nemo judex in causa sua) perlu dihormati pada setiap peringkat. Anggota Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan seperti yang diperincikan di bawah:

A. Jawatankuasa Tatatertib

a. Pengerusi : Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia (KPPM) ~~KPPM~~ merangkap pengerusi PBMy dan pengerusi LTU.
b. Setiausaha Jawatankuasa : Ketua Sekretariat PBMy.
c. Ahli : Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR).
d. Ahli : Wakil LTU.
e. Ahli : Wakil Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
f. Ahli : Penasihat Undang-undang (PUU).
g. Ahli : Perwakilan Belia (1 orang).

B. Jawatankuasa Rayuan

a. Pengerusi : Yang di-Pertua Dewan Rakyat merangkap penaung PBMy dan penaung LTU.
b. Setiausaha Jawatankuasa : Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia (KPPM) merangkap Ketua Sekretariat PBMy.
c. Ahli : KPPM merangkap pengerusi PBMy dan pengerusi LTU.
d. Ahli : Penasihat Undang-undang (PUU).
e. Ahli : Wakil Jawatankuasa Tatatertib.

10.5.1 Mekanisme Penyelesaian Pertikaian dan Rayuan

Sekiranya berlaku pelanggaran kod etika, PBMy menyediakan satu struktur penyelesaian yang mematuhi prinsip keadilan asasi (Natural Justice). Aduan yang diterima akan disiasat oleh Jawatankuasa Tatatertib. Proses ini melibatkan fasa siasatan awal, penyampaian notis pertuduhan dan pendengaran rasmi di mana responden diberi peluang untuk membela diri.

Struktur Jawatankuasa Rayuan diketuai oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang memberikan lapisan pengawasan tertinggi untuk memastikan tiada salah laku pentadbiran berlaku. Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan adalah muktamad dan sebarang pertikaian lanjut mestilah diselesaikan mengikut saluran yang ditetapkan.

Peringkat Tindakan	Badan Bertanggungjawab	Proses Utama
Aduan & Siasatan	Sekretariat PBMy.	Penerimaan aduan bertulis dan siasatan awal fakta.
Pendengaran	Jawatankuasa Tatatertib.	Pembentangan bukti dan hak membela diri responden.

Peringkat Tindakan	Badan Bertanggungjawab	Proses Utama
Keputusan	Jawatankuasa Tatatertib.	Penyampaian alasan keputusan dan hukuman.
Rayuan Akhir	Jawatankuasa Rayuan.	Semakan terhadap prosedur dan bukti baharu.



i. **Penyerahan Aduan**

Semua aduan rasmi mengenai pelanggaran Kod Etika mesti dikemukakan secara bertulis kepada Sekretariat PBMy.

ii. **Siasatan Awal**

Sekretariat akan menjalankan siasatan awal untuk menentukan sama ada terdapat kes *prima facie* (kes yang mempunyai asas) untuk dijawab. Sekretariat tidak akan membuat sebarang penemuan fakta pada peringkat ini.

iii. **Notis Pertuduhan**

Selepas siasatan selesai, individu yang dituduh (responden) mesti diberikan "Notis Pertuduhan" secara bertulis. Notis ini mesti menyatakan dengan jelas fasal Kod Etika yang didakwa dilanggar dan ringkasan bukti terhadap responden.

iv. **Pendengaran Tatatertib**

Kes akan didengar oleh **Jawatankuasa Tatatertib** yang bebas daripada Sekretariat dan Pegawai Penyiasat. Responden mesti diberi peluang yang adil untuk membentangkan kesnya, menjawab bukti, dan memanggil saksi jika perlu.

v. **Keputusan dan Hukuman**

Jawatankuasa Tatatertib mesti menyampaikan keputusan bertulis yang mengandungi alasan, menyatakan penemuan fakta dan asas bagi sebarang hukuman yang dikenakan.

vi. **Rayuan**

Responden mempunyai hak untuk merayu keputusan kepada **Jawatankuasa Rayuan**, yang akan dipengerusikan oleh Pengerusi Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Asas rayuan adalah terhad kepada:

a. Ketidakteraturan prosedur.
b. Penemuan bukti baharu yang signifikan yang tidak tersedia semasa pendengaran asal.
c. Hukuman yang dikenakan adalah keterlaluan atau tidak wajar.

SEKSYEN G - PROGRAM PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PBMy

Program Pembangunan Kepimpinan PBMy merupakan program latihan selama 24 bulan yang membangunkan belia menjadi Ahli Perwakilan Parlimen Belia Malaysia yang memahami sistem demokrasi, mahir dalam dasar awam, berfikiran inovatif dan bersedia memimpin di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

11.0 Nilai Kepimpinan Parlimen Belia Malaysia

Lima (5) nilai kepimpinan PBMy yang merangkumi nilai-nilai seperti berikut:

Nilai	Nilai
Integriti	a. Jujur. b. Amanah. c. Telus. d. Patuh etika dan undang-undang.
Inklusiviti	a. Menghormati semua pandangan. b. Tiada golongan dipinggirkan, c. Penglibatan semua lapisan masyarakat,
Inovasi	a. Berfikiran kreatif, b. Mencari penyelesaian baru. c. Menyesuaikan diri dengan perubahan.
Akauntabiliti	a. Bertanggungjawab terhadap tindakan. b. Bersedia menerima teguran. c. Mengutamakan kepentingan rakyat.
Kepimpinan Berkhidmat (Servant Leadership)	a. Mendahulukan rakyat b. Membantu pembangunan masyarakat. c. Membawa perubahan positif.

12.0 Teras Strategik Modul Latihan

Terdapat lima (5) teras strategik modul latihan seperti berikut:

Teras Strategik I :
Pengukuhan Literasi Demokrasi dan Legislatif Belia

- Modul bagi teras I akan akan memberi kefahaman yang mendalam kepada Perwakilan PBMy mengenai sistem demokrasi, proses legislatif dan membolehkan mereka untuk bersidang seperti Ahli Parlimen sebenar.

Teras Strategik II :
Kepimpinan Belia Berintegriti dan Berwawasan

- Modul bagi teras II akan membantu Perwakilan PBMy dalam memimpin organisasi, menguruskan konflik, kemahiran komunikasi yang berkesan dan berfikir secara strategik.

Teras Strategik III :
Platform Advokasi Dasar dan Penyertaan Belia

- Modul teras III memberi kemahiran kepada Perwakilan PBMy dalam menganalisis isu berasaskan data, menulis cadangan dasar, membentang hujan dengan yakin dan mengendalikan dialog dasar.

Teras Strategik IV :
Reformasi Budaya Institusi dan Inovasi Program

- Modul teras IV akan memberi kemahiran kepada Perwakilan PBMy dalam *digital governance*, kebolehan berfikir secara kreatif dan inovatif, menghasilkan program yang berimpak dan membina budaya kerja positif

Teras Strategik V :
Jaringan Strategik Nasional dan Antarabangsa

- Modul teras V akan mengajar Perwakilan PBMY dalam memahami diplomasi, memberi kemahiran dalam mewakili negara dengan berkesan, membantu membina jaringan antarabangsa dan membantu dalam Perwakilan PBMy menjadi pemimpin global.

13.0 Pelan Latihan Parlimen Belia Malaysia

Pelan Latihan Parlimen Belia Malaysia merupakan program yang mempunyai pelan latihan selama 24 bulan dan dibahagikan kepada empat fasa seperti berikut:

Fasa	Kandungan	Hasil
1	Pengukuhan asas demokrasi dan kepimpinan ▪ Demokrasi dan Parlimen. ▪ Struktur dan fungsi. ▪ Asas kepimpinan. ▪ Integriti dan etika.	Perwakilan PBMy memahami asas demokrasi dan kepimpinan.
2	Penguasaan kemahiran Parlimen dan Advokasi ▪ Analisis dasar. ▪ Kertas polisi. ▪ Strategi nasional. ▪ Perbahasan polisi. ▪ Dialog dasar.	Perwakilan PBMy mampu berbahas, membentang usul dan menyediakan cadangan dasar.
3	Pembangunan kapasiti dasar dan inovasi institusi ▪ Penyampaian hujah. ▪ Inovasi organisasi. ▪ Tatacara dan etika dewan. ▪ Simulasi sidang. ▪ Komunikasi dan konflik.	Peserta mampu memimpin perbincangan dasar dan mencetuskan inovasi.
4	Kepimpinan global dan jaringan strategik ▪ Diplomasi belia. ▪ Hubungan antarabangsa. ▪ Kepimpinan global. ▪	Peserta memiliki perspektif global dan jaringan antarabangsa.

Program Parlimen Belia Malaysia mampu memberi impak kepada Perwakilan PBMy melalui model kerangka seperti berikut:

i. **Mengenal pasti isu belia** : Perwakilan PBMY perlu mengenal pasti isu utama yang relevan.
ii. **Reka Bentuk Program** : Program direka berdasarkan keperluan semasa belia.
iii. **Pelaksanaan Program** : Program dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.
iv. **Impak Kepada Komuniti** : Program yang dilaksanakan memberi nilai kesan positif kepada belia dan komuniti secara keseluruhan.
v. **Penilaian dan penambahbaikan** : Program akan sentiasa dipantau, dinilai dan diperbaiki secara berterusan.

Senarai Nama Singkatan

Singkatan	Nama
APB	Ahli Parlimen Belia
APBMy	Ahli Parlimen Belia Malaysia
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ATTD	Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan
AA	Akaun Amanah
AA Am	Akaun Amanah Am
CGSO	Malaysia Office of the Chief Goverment Security Officer
DKICT	Dasar Keselamatan ICT
e-PBMy	Sistem Parlimen Belia Malaysia
FPTP	*First Past the Post*
H	*Hare Quota*
ICT	Information and Communication Technology
JBSN	Jabatan Belia dan Sukan Negara
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KPPM	Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia
LTU	Lembaga Tadbir Urus
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MCMC	Malaysian Communications and Multimedia Commision
NGO	Non-governmental organization
PBMy	Parlimen Belia Malaysia
PUU	Penasihat Undang-undang
PDRM	Polis Diraja Malaysia
ROS	Registries of Societies
SUDR	Setiausaha Dewan Rakyat
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SOP	Standard Operating Procedure
SDGs	Sustainable Development Goals
SPANM	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia
S	Jumlah kerusi yang diperuntukkan bagi negeri tersebut
TAC	Kod Pengesahan
UKYP	UK Youth Parliament
V	Jumlah undian sah yang diterima di sebuah negeri
2FA	Pengesahan pemilikan peranti/akaun
3R	Institusi Diraja, Kaum, Agama

Lampiran A

Perlembagaan Parti

Panduan Asas Perlembagaan Parti
Parlimen Belia Malaysia (PBMy)

Fasal	Kandungan
	Bahagian I
Fasal I	Nama dan Fungsi
Fasal 2	Alamat Berdaftar
Fasal 3	Cogan Perjuangan
Fasal 4	Bendera dan Lambang
	Bahagian II
Fasal 5	Keahlian
Fasal 6	Syarat – syarat Keahlian
Fasal 7	Tanggungjawab dan Hak Ahli
Fasal 8	Perlucutan Ahli
Fasal 9	Tatatertib
	Bahagian III
Fasal 10	Persidangan Parti
Fasal 11	Pengurusan Parti
Fasal 12	Tugas Jawatankuasa Tertinggi
Fasal 13	Kuasa Jawatankuasa Tertinggi
	Bahagian IV
Fasal 14	Lembaga Disiplin
Fasal 15	Peraturan dan Garis Panduan
	Bahagian V
Fasal 16	Peraturan dan Persidangan Mesyuarat
Fasal 17	Pemilihan Parti
Fasal 18	Meminda Perlembagaan
Fasal 19	Pembubaran Parti

Bahagian I

Fasal 1 - Nama dan Fungsi

a) Parti perlu membuat pemilihan nama parti yang tidak berlandaskan kepada komponen isu kaum (Race), agama (Religion), dan institusi diraja (Royalty) atau dikenali sebagai 3R
b) Nama yang dipilih seharusnya tidak ada kaitan dengan mana – mana parti politik sedia ada.
c) Parti perlu menyatakan fungsinya mengikut kesesuaian semasa dan berdasarkan kepada **Perlembagaan Persekutuan** dan **Prinsip Rukun Negara**.

Fasal 2 – Alamat berdaftar

a) Parti perlu menyediakan satu alamat aktif perlu bagi tujuan penubuhan parti.

Fasal 3 – Cogan Perjuangan

a) Parti perlu memilih cogan perjuangan yang bersesuaian dengan konteks semasa dan tidak berlandaskan kepada komponen isu kaum (Race), agama (Religion), dan institusi diraja (Royalty) atau dikenali sebagai 3R
b) Berdasarkan kepada **Perlembagaan Persekutuan** dan **Prinsip Rukun Negara**

Fasal 4 - Bendera dan Lambang

a) Setiap parti perlu memastikan pemilihan bendera dan lambang parti perlu bersesuaian dan tidak melibatkan mana-mana kaitan dengan parti politik sedia ada.
b) Berdasarkan kepada **Perlembagaan Negara** dan **Prinsip Rukun Negara**

Bahagian II

Fasal 5 – Keahlian

a) Setiap parti perlu memastikan bahawa ahli mereka terdiri daripada golongan belia dalam lingkungan umur 18 – 30 tahun dan warganegara Malaysia.

Fasal 6 – Syarat-syarat Ahli

a) Parti perlu memastikan setiap ahli parti perlu berdaftar sebagai pemilih Parlimen Belia Malaysia (PBMy).

Fasal 7 – Tanggungjawab dan Hak Ahli

a) Menjalankan tanggungjawab sebagai seorang ahli parti berlandaskan matlamat dan prinsip perjuangan parti masing-masing.

Fasal 8 – Pelucutan Ahli

a) Parti berhak melucutkan keahlian ahli mereka sekiranya tidak mematuhi peraturan atau melanggar tatatertib parti itu sendiri.

Fasal 9 – Tatatertib

a) Setiap parti perlu mewujudkan tatatertib atau peraturan bagi parti masing-masing untuk memastikan setiap ahli mematuhi prinsip dan matlamat parti.

Bahagian III

Fasal 10 – Persidangan Parti

a) Parti perlu menjalankan persidangan parti sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh penggal Parlimen Belia Malaysia.
b) Parti perlu menyediakan laporan persidangan parti dan diserahkan kepada pihak sekretariat Parlimen Belia Malaysia (PBMy) bagi tujuan semakan dan pengesahan.

Fasal 11 – Pengurusan Parti

a) Parti perlu mewujudkan satu Majlis Jawatankuasa Tertinggi yang dipilih dalam kalangan ahli bagi tujuan pengurusan parti.
b) Parti bebas untuk menetapkan jumlah anggota dalam Jawatankuasa Tertinggi masing-masing.

Fasal 12 – Tugas Jawatankuasa Tertinggi

a) Menjalankan tugas-tugas utama dalam pengurusan parti daripada segi pentadbiran dan operasi parti.
b) Menggubal peraturan tetap parti, matlamat dan prinsip perjuangan parti masing-masing.

Fasal 13 – Kuasa Jawatankuasa Tertinggi

a) Parti perlu menetapkan setiap tugas anggota Jawatankuasa Tertinggi yang telah dipilih.

Bahagian IV

Fasal 14 – Lembaga Disiplin

a) Setiap parti perlu menubuhkan Lembaga Disiplin yang dianggotai sekurang - kurangnya enam (6) orang ahli.

Fasal 15 – Peraturan dan Garis Panduan

a) Setiap parti melalui Majlis Jawatankuasa Tertinggi perlu merangka peraturan dan garis panduan parti yang akan diguna pakai oleh Lembaga Disiplin.

Bahagian V

Fasal 16 – Peraturan Persidangan Mesyuarat

a) Parti perlu menyenaraikan peraturan tetap persidangan mesyuarat yang akan diguna pakai sewaktu persidangan mesyuarat.

Fasal 17 – Pemilihan Parti

a) Parti perlu menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan sekurang-kurangnya (6) orang ahli jawatankuasa yang dipilih oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi.

Fasal 18 – Meminda Perlembagaan

a) Parti berhak untuk meminda perlembagaan parti berdasarkan persetujuan daripada Majlis Jawatankuasa Tertinggi
b) Segala pindaan yang dibuat perlu membuat dimaklumkan kepada Sekretariat PBMy untuk pengesahan.

Fasal 19 – Pembubaran Parti

a) Parti boleh dibubarkan sekiranya persetujuan melebihi dua pertiga (2/3) pungutan suara/referendum daripada ahli parti.

Lampiran B

Glosari Definisi Kod Etika

Untuk memastikan penguatkuasaan Kod Etika yang konsisten dan objektif, istilah-istilah berikut ditakrifkan seperti di bawah:

- **Bahan Menyinggung Perasaan (Offensive Material):** Merujuk kepada bahan yang mengandungi ucapan kebencian (hate speech) atau layanan yang bersifat kesat atau menghina terhadap individu, kumpulan, agama atau komuniti. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada layanan atau ucapan diskriminasi atas dasar umur, ketidakupayaan, perubahan jantina, bangsa, agama atau kepercayaan, jantina dan orientasi seksual. Konteks editorial akan diambil kira dalam menentukan sama ada sesuatu bahan itu dibenarkan (contoh: dalam drama atau satira).

- **Gangguan (Harassment):** Tingkah laku yang ditujukan kepada individu tertentu, yang cukup teruk, berleluasa atau berterusan dan secara objektifnya menyinggung perasaan sehingga mengganggu keupayaan seseorang yang munasabah untuk bekerja, belajar atau mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti.

- **Buli Siber (Cyberbullying):** Penggunaan komunikasi digital untuk membuli seseorang, biasanya dengan penghantaran mesej yang bersifat mengancam atau menakutkan.

- **Ucapan Kebencian (Hate Speech)**: Sebarang bentuk ekspresi yang menyebar, menghasut, mempromosikan atau mewajarkan kebencian berdasarkan sikap tidak bertoleransi.

Lampiran C

PERJANJIAN PENYERTAAN DAN AKU JANJI
PERWAKILAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA

Perjanjian ini ("Perjanjian") dibuat antara:

Parlimen Malaysia, melalui Sekretariat Parlimen Belia Malaysia ("Penganjur")

DENGAN

Nama Peserta: _____

No. Kad Pengenalan: _____
(selepas daripada ini dirujuk sebagai "Peserta")

1.0 Latar Belakang dan Pengiktirafan Status

1.1 Peserta dengan ini mengakui dan memahami bahawa Program Parlimen Belia Malaysia (PBMy) ialah sebuah program simulasi pendidikan kepimpinan yang dianjurkan dan dinaungi oleh Parlimen Malaysia.

1.2 Peserta memahami bahawa PBMy bukan sebuah badan yang ditubuhkan di bawah mana-mana Akta Parlimen atau undang-undang bertulis lain, dan segala peraturan dan kuasanya hanya terpakai dalam konteks program ini sahaja berdasarkan prinsip undang-undang kontrak.

2.0 Penerimaan Terma dan Syarat

2.1 Dengan menandatangani Perjanjian ini, Peserta mengesahkan bahawa beliau telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan segala terma, syarat, peraturan dan prosedur yang terkandung di dalam Buku Panduan Pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia (PBMy) 2025 ("Buku Panduan"), termasuk

sebarang pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa oleh Lembaga Tadbir Urus (LTU) PBMy.

2.2 Buku panduan ini hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

3.0 Kod Etika dan Tata Kelakuan

3.1 Peserta beraku janji untuk mematuhi setiap fasal di dalam Kod Etika dan Tata Kelakuan termasuk Polisi Media Sosial pada setiap masa sepanjang penyertaannya dalam PBMy, sama ada dalam interaksi secara fizikal atau maya.

4.0 Andaian Risiko dan Penepian Liabiliti (Assumption of Risk and Waiver of Liability)

4.1 Peserta mengakui bahawa penyertaan dalam aktiviti PBMy, termasuk perjalanan dan acara awam, mempunyai risiko-risiko sedia ada.

4.2 Peserta dengan ini secara sukarela bersetuju untuk menepikan, melepaskan dan tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap Penganjur, Parlimen Malaysia, ahli-ahli Sekretariat, Lembaga Tadbir Urusdan mana-mana ejen atau sukarelawan Parlimen Belia Malaysia ("Pihak-Pihak yang Dilepaskan") bagi sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan kepada diri atau harta benda yang timbul daripada kecuaian biasa (ordinary negligence) Pihak-Pihak yang Dilepaskan.

4.3 Penepian ini tidak terpakai kepada kecederaan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaian berat (gross negligence) atau salah laku sengaja (intentional misconduct) oleh Pihak-Pihak yang Dilepaskan, selaras dengan undang-undang Malaysia.

5.0 Persetujuan kepada Proses Tatatertib

5.1 Peserta bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa dan proses tatatertib dan rayuan yang digariskan di dalam buku panduan ini. Peserta bersetuju bahawa tatacara ini akan menjadi forum utama dan muktamad untuk penyelesaian sebarang pertikaian berkaitan pelanggaran Kod Etika.

6.0 Perlindungan Data dan Persetujuan Media

6.1 Peserta bersetuju untuk Penganjur mengumpul, memproses, dan menggunakan data peribadi Peserta bagi tujuan pentadbiran dan pelaksanaan program PBMy.

6.2 Peserta memberi kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan gambar, rakaman video, dan audio Peserta yang diambil semasa aktiviti rasmi PBMy untuk tujuan promosi dan dokumentasi program.

Dengan ini saya, Peserta yang dinamakan di atas, mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami sepenuhnya terma-terma Perjanjian ini dan bersetuju untuk terikat dengannya.

Tandatangan Peserta: _____

Tarikh : _____

Sekretariat PBMy akan menyelenggara lejar kewangan yang berasingan untuk setiap parti. Parti boleh melihat status dana mereka melalui sistem e-PBMy, tetapi semua transaksi keluar/masuk dikawal oleh Sekretariat. Parti yang ingin menggunakan dana mereka perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada Sekretariat dengan justifikasi, tertakluk kepada kelulusan. Sekretariat akan menyediakan penyata akaun tahunan bagi setiap parti berdasarkan lejar mereka. Audit akan dijalankan ke atas akaun pusat yang diuruskan oleh Sekretariat PBMy.

PENGHARGAAN

Sekretariat Parlimen Belia Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan penerbitan Buku Panduan Pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia.

YB Tan Sri Dato' Dr. Johari Abdul
Yang di-Pertua Dewan Rakyat selaku Penaung Parlimen Belia Malaysia

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Husaini Abdul Rahman
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia selaku Pengerusi Parlimen Belia Malaysia

YBhg. Tan Sri Borhan Dollah
Pengerusi Lembaga Tadbir Urus Parlimen Belia Malaysia

Ahli Lembaga Tadbir Urus Parlimen Belia Malaysia:
YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Foad Sakdan
YBhg. Prof. Madya Dr. Hazman Samsudin
YBhg. Prof. Madya. Ts. Dr. Noor Haida Mohd Kaus
YBhg. Ts. Khairul Anuar Ishak

Ahli Pasukan Jawatankuasa Sekretariat Parlimen Belia Malaysia
Warga Parlimen Malaysia; dan
Kementerian/Jabatan//Agensi yang telah bersama – sama menjayakan program ini.

BUKU PANDUAN PELAKSANAAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA

eISBN 978-629-98706-9-2

9 786299 870692

Disediakan oleh:

SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)

Parlimen Malaysia
Jalan Parlimen
50680, Kuala Lumpur

www.parlimen.gov.my